



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***KEBERKESANAN KEPIMPINAN MENTERI MENTOR DALAM  
MEMBANGUN KOMUNITI MAHASISWA UNIVERSITI AWAM DI  
MALAYSIA***

**MOHAMAD FATHI BIN ABDUL RAHMAN**

**FEM 2016 36**



**KEBERKESANAN KEPIMPINAN MENTERI MENTOR DALAM  
MEMBANGUN KOMUNITI MAHASISWA UNIVERSITI AWAM DI  
MALAYSIA**

Oleh

**MOHAMAD FATHI BIN ABDUL RAHMAN**

Tesis dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra  
Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains

**Disember 2016**

## **HAK CIPTA**

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains

**KEBERKESANAN KEPIMPINAN MENTERI MENTOR DALAM  
MEMBANGUN KOMUNITI MAHASISWA UNIVERSITI AWAM DI  
MALAYSIA**

Oleh

**MOHAMAD FATHI BIN ABDUL RAHMAN**

Disember 2016

Pengerusi : Prof. Dato. Mohammad Shatar Bin Sabran, PhD  
Fakulti : Ekologi Manusia

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor yang menyumbang keberkesanan kepimpinan menteri mentor dalam membangun komuniti mahasiswa Universiti Awam (UA) di Malaysia. Program ini adalah bagi merapatkan lagi hubungan baik antara universiti dengan menteri kabinet. Ini juga merupakan antara usaha kerajaan untuk membolehkan anggota kabinet berinteraksi dengan para mahasiswa di kampus secara langsung bagi memberikan penjelasan mengenai dasar-dasar semasa kerajaan. Kajian dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan kaedah campuran (*mixed methods*) yang bersifat kualitatif dan kuantitatif. Reka bentuk kajian kes digunakan dalam kajian ini dengan menggunakan persampelan mudah bagi mendapatkan maklumat mudah, cepat dan berkesan. Kajian dijalankan di lima buah universiti penyelidik (RU) Malaysia iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Data yang diperolehi telah dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis deskriptif untuk menghuraikan hasil dapatan kajian. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat beberapa peranan yang dimainkan oleh kepimpinan menteri mentor dalam membangun komuniti mahasiswa dengan gaya kepimpinan yang sesuai dalam mempengaruhi peranan sebagai pemimpin. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa terdapat beberapa faktor penyumbang keberkesanan kepimpinan menteri mentor iaitu merangkumi faktor kemudahan fizikal, sokongan sosial dan individu. Manakala terdapat juga faktor yang menghalang kepimpinan mereka bagi mencapai matlamat perlaksanaan program ini dalam universiti dengan jayanya. Kesimpulannya, untuk memastikan keberkesanan kepimpinan menteri mentor faktor seperti kemudahan fizikal, sokongan sosial dan individu perlu digunakan dengan sebaik mungkin oleh menteri mentor supaya matlamat perlaksanaan program ini dapat dicapai dengan jayanya.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment  
of the requirement for the Master of Science

**THE LEADERSHIP EFFECTIVENESS OF THE MINISTER MENTOR  
PROGRAM TO DEVELOP THE STUDENTS' COMMUNITY IN THE PUBLIC  
UNIVERSITIES IN MALAYSIA**

By

**MOHAMAD FATHI BIN ABDUL RAHMAN**

**December 2016**

**Chair : Prof. Dato. Mohammad Shatar Bin Sabran, PhD**  
**Faculty : Human Ecology**

The objective of this study is to identify the contributing factors to the leadership effectiveness of the Minister Mentor Program to develop the students' community in the public universities in Malaysia. This program which has been launched about seven years ago is also helped to bridge the relationship between the universities and the ministers involved. The program is also help the ministers involved to interact with students and explain all the current government policies to the students. This research was conducted by using both qualitative and quantitative method. The mixed method is used in this research because it will help generate more accurate findings. This research was conducted in five research universities which are Universiti Malaya (UM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM) and Universiti Teknologi Malaysia (UTM). This findings of the research were being analysed qualitatively due to many perceptions and opinions from the respondents involved in this research. The findings showed that, there were few factors contributed to the effectiveness of Minister Mentor Program to help developing the students. Three of the main factors are physical infrastructure, social support of the university, and the personality of the Minister Mentor himself. The contributing factors to the effectiveness of Minister Mentor program may also become the constraints of the program to achieve the objective of this program in the university with successfully. Thus in order to improve the effectiveness of this program both the contributing and constraints factors must be taken into serious consideration in the future.

## PENGHARGAAN

مَنْ يَتَّبِعَ الرَّحْمَةَ فَلَهُ  
كُلُّ حَيَاةٍ وَمَنْ يَتَّبِعَ  
الْحَسَدَ فَلَهُ كُلُّ  
شَرٍّ إِنَّ اللَّهَ عَزَّ ذَلِقَّ

Assalamualaikumwarahmatullahiwabarakatuh....

Pertama kali saya ingin memanjangkan rasa syukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah kurniaNya saya dapat menyempurnakan disertai ini sebagai memenuhi keperluan untuk menamatkan pengajian Ijazah Master Sains dalam bidang Pembangunan Komuniti. Ramai telah menghulurkan bantuan sama ada secara langsung ataupun tidak kepada kejayaan penyelidikan ini.

Terima kasih yang tak terhingga kepada Profesor Dato' Dr. Mohammad Shatar Bin Sabran selaku Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan Tesis dan ahli yang lain iaitu Dr. Abd. Razak Abd. Rahman yang telah bertungkus lumus membantu dan memberikan panduan yang tidak berbelah bagi dalam menyempurnakan disertasi ini tidak dapat disempurnakan dengan jayanya. Sekalung penghargaan juga kepada pelajar di Universiti Putra Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Sains Malaysia Dan Universiti Teknologi Malaysia yang telah memberi kerjasama bagi pengumpulan data.

Jutaan terima kasih untuk insan yang teristimewa buat ayahanda dan ibunda tercinta Abdul Rahman Bin Mahmud, Badariah Binti Abu Bakar, abang dan adik-adik yang sentiasa berdiri teguh dibelakang saya serta di atas pengorbanan, dorongan, kasih sayang dan mendoakan kejayaan saya untuk terus belajar ke tahap yang tertinggi ini. Semoga penantian anda semua selama pengajian ini dijalankan membawa hasil yang berguna. InsyaAllah

Buat rakan-rakan yang banyak membantu dalam menyiapan kajian ini, sememangnya jasa kalian tidak dapat dibalas. Terima kasih di atas sokongan dan dorongan kalian. Ribuan terima kasih juga kepada insan yang teristimewa banyak memberi dorongan, dan semangat sepanjang pengajian di sini. Akhir kata, semoga apa yang ditulis dapat menjadi ilmu yang bermanfaat untuk mereka yang bakal membacanya kelak. Sesungguhnya yang terbaik dan sempurna itu datang daripadaNya dan yang kurang itu semestinya daripada makhluk yang dijadikanNya.

**Mohamad Fathi Bin Abdul Rahman (GS44449)**


Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjuma pada 8 Disember 2016 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Mohamad Fathi bin Abdul Rahman bagi menilai tesis beliau yang bertajuk "Keberkesanan Kepemimpinan Menteri Mentor dalam Membangun Komuniti Mahasiswa Universiti Awam di Malaysia" mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakuan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sains

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

**Elistina binti Abu Bakar, PhD**  
Pensyarah Kanan  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Sarjit Singh a/l Darshan Singh, PhD**  
Profesor Madya  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Haris Abd Wahab, PhD**  
Profesor Madya  
Universiti Malaya  
Malaysia  
(Pemeriksa Luar)



---

**NOR AINI AB. SHUKOR, PhD**  
Profesor dan Timbalan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 8 Ogos 2017

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Profesor Dato' Mohammad Shatar Bin Sabran, PhD**

Profesor

Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Abd. Razak Abd. Rahman, PhD**

Pensyarah Kanan

Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli )

**ROBIAH BINTI YUNUS, PhD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

## **Perakuan Pelajar Siswazah**

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli.
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas.
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini. Untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain.
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012.
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperolehi sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah atau material lain seperti yang dinyatkan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012.
- tiada plagiat atau pemalsuan data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No Matrik: Mohamad Fathi Bin Abdul Rahman, GS44449

**Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyelian:**

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah selian kami.
- tanggungjawab penyelian sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan:

Nama Pengerusi

Jawatankuasa

Penyelia:

Profesor Dato' Dr. Mohammad Shatar Bin Sabran

Tandatangan:

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyelia:

Dr. Abd. Razak Abd. Rahman

## JADUAL KANDUNGAN

	<b>Muka surat</b>
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>KELULUSAN</b>	iv
<b>PENGAKUAN</b>	vi
<b>SENARAI RAJAH</b>	xi
<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
<b>SENARAI GRAF</b>	xiii
<b>SENARAI CARTA</b>	xiv
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xv
<b>BAB</b>	
<b>1 PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Penyataan Masalah	4
1.3 Persoalan Kajian	7
1.4 Objektif Kajian	7
1.5 Kepentingan Kajian	8
1.6 Definisi Operasional	10
1.7 Kerangka Konseptual Kajian	12
1.8 Skop dan Limitasi Kajian	13
1.9 Kesimpulan	13
<b>2 TINJAUAN LITERATUR</b>	
2.1 Pengenalan	15
2.2 Pemimpin dan Kepimpinan Bagi Menteri Mentor	15
2.3 Peranan Menteri Mentor yang Berkesan	18
2.4 Gaya Kepimpinan Menteri Mentor yang Berkesan	21
2.5 Pembangunan Komuniti Konteks Mahasiswa	24
2.6 Teori Kepimpinan	26
2.7 Faktor Keberkesan Menteri Mentor	32
2.8 Faktor Penghalang Keberkesan Menteri Mentor Menjadi Hebat	35
2.9 Kesimpulan	37
<b>3 METODOLOGI</b>	
3.1 Pengenalan	38
3.2 Pendekatan Kajian	38
3.2.1 Pendekatan Kualitatif	39
3.2.2 Pendekatan Kuantitatif	39
3.3 Reka Bentuk Kajian	39
3.4 Lokasi Kajian	40
3.5 Populasi, Saiz Sampel dan Persampelan Kajian	40
3.6 Kaedah Kajian	42
3.6.1 Borang Soal Selidik	43
3.6.2 Temu Bual Mendalam	44

3.6.3	Analisis Kandungan	45
3.7	Merekodkan Data	45
3.7.1	Merekod Soal Selidik	45
3.7.2	Merekod Data Temu Bual Mendalam	45
3.7.3	Merekod Analisis Kandungan	46
3.8	Analisis Data	46
3.9	Kesimpulan	47
<b>4</b>	<b>HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN</b>	
4.1	Pengenalan	48
4.2	Maklumat Latar Belakang Responden	48
4.2.1	Profil Demografi Responden	48
4.2.2	Profil Informan	50
4.2.2.1	Mahasiswa UPM	51
4.2.2.2	Mahasiswa UKM	52
4.2.2.3	Mahasiswa UM	53
4.2.2.4	Mahasiswa USM	54
4.2.2.5	Mahasiswa UTM	55
4.3	Tahap Kefahaman Mahasiswa Mengenai Konsep Menteri Mentor	56
4.4	Mengetahui Peranan yang Dimainkan oleh Kepimpinan Menteri Mentor dalam Membangun Komuniti Mahasiswa	61
4.4.1	Peranan Pemimpin dalam Membangun Komuniti Mahasiswa	61
4.4.2	Gaya Kepimpinan dalam Mempengaruhi Peranan Pemimpin	66
4.5	Faktor-faktor Penyumbang Keberkesanan Kepimpinan Menteri Mentor	70
4.6	Mengenal Pasti Faktor Utama yang Menghalang Kepimpinan Menteri Mentor	77
4.6.1	Faktor-Faktor Penghalang Kepimpinan Menteri Mentor	77
4.6.2	Langkah-langkah Mengatasi Penghalang Dalam Kepimpinan Menteri Mentor	81
4.7	Kesimpulan	84
<b>5</b>	<b>KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	
5.1	Pengenalan	85
5.2	Ringkasan	85
5.3	Objektif pertama: Untuk Mengetahui Peranan yang Dimainkan oleh Kepimpinan Menteri Mentor dalam Membangun Komuniti Mahasiswa Universiti Awam (UA) di Malaysia	87
5.3.1	Rumusan Berdasarkan Objektif Kajian	87
5.3.2	Implikasi Terhadap Pembangunan Komuniti Mahasiswa	87
5.4	Objektif kedua: Mengenal Pasti Faktor-Faktor Penyumbang kepada Keberkesanan Kepimpinan Menteri Mentor dalam Membangun Komuniti Mahasiswa di Universiti Awam (UA)	89

5.4.1 Rumusan Berdasarkan Objektif Kajian	89
5.4.2 Implikasi Terhadap Perlaksanaan Program Menteri Mentor	90
5.5 Objektif ketiga: Untuk Melihat Faktor Utama yang Menghalang Kepimpinan Menteri Mentor Bagi Mencapai Objektif dan Matlamat Perlaksanaan Program Menteri Mentor di Universiti Awam (UA)	91
5.5.1 Rumusan Berdasarkan Objektif Kajian	91
5.5.2 Implikasi Terhadap Kepimpinan Menteri Mentor	91
5.6 Cadangan	92
5.6.1 Cadangan kepada Pihak Kerajaan	92
5.6.2 Cadangan kepada Pihak Pengurusan Universiti	93
5.7 Prospek Cadangan untuk Kajian Masa Hadapan	94
5.8 Kesimpulan	95
<b>RUJUKAN</b>	96
<b>LAMPIRAN</b>	102
<b>BIODATA PELAJAR</b>	114

## **SENARAI RAJAH**

<b>Rajah</b>		<b>Muka surat</b>
1	Kerangka konseptual kajian	12
2	Faktor-faktor penyumbang kepada keberkesanan menteri mentor	70
3	Langkah-langkah mengatasi halangan dalam kepimpinan	81



## **SENARAI JADUAL**

<b>Jadual</b>		<b>Muka surat</b>
1	Statistik kekerapan menteri mentor turun kampus	5
2	Sifat dan kemahiran pemimpin dalam teori <i>trait</i>	27
3	Statistik mahasiswa bagi peringkat sarjana muda	41
4	Umur dan tahun pengajian	49
5	Jantina, agama dan bangsa	49
6	Tajaan atau pinjaman pengajian	50

## **SENARAI GRAF**

<b>Graf</b>		<b>Muka surat</b>
1	Kefahaman mahasiswa mengenai konsep menteri mentor	57
2	Peranan kepimpinan menteri mentor	61
3	Faktor kemudahan fizikal	71
4	Faktor individu penyumbang kepada keberkesanan pemimpin	75
5	Faktor-faktor penghalang dalam kepimpinan menteri mentor	77

## **SENARAI CARTA**

<b>Carta</b>		<b>Muka surat</b>
1	Persepsi mahasiswa mengenai gaya kepimpinan menteri mentor	67
2	Faktor sokongan sosial	73



## **SENARAI SINGKATAN**

UA	Universiti Awam
KPT	Kementerian Pendidikan Tinggi
NGO	Badan Bukan Kerajaan
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
UPM	Universiti Putra Malaysia
UTM	Universiti Teknologi Malaysia
USM	Universiti Sains Malaysia
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	Universiti Malaya
PTPTN	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
RU	Universiti Penyelidikan

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Pada masa ini, kerajaan sentiasa menitik beratkan dalam konteks pembangunan holistik mahasiswa di Universiti Awam (UA) atau Universiti Swasta (US) Malaysia. Kesungguhan untuk membangunkan modal insan serba boleh dalam pelbagai bidang adalah sangat penting kerana golongan inilah yang akan menerajui kepimpinan negara pada masa kelak. Pembangunan holistik mahasiswa telah memberi fokus kepada pembangunan sahsiah diri mahasiswa universiti tempatan bagi menghasilkan graduan atau modal insan yang seimbang meliputi aspek keterampilan dan semangat patriotik terutamanya dalam memahami dasar-dasar dan hasrat negara terhadap golongan muda. Namun tidak boleh dinafikan bahawa golongan muda terutamanya mahasiswa di universiti memainkan peranan penting dalam mempengaruhi pencapaian dasar-dasar untuk pembangunan dan kemajuan negara. Bagi merealisasikan hasrat ini satu program diwujudkan supaya dapat membantu kerajaan menyampaikan dasar dan hasrat negara kepada mahasiswa universiti tempatan. Penekanan terhadap nilai-nilai integriti mestilah diterapkan kepada generasi muda terutama mereka yang sedang berada di menara gading. Ini adalah kerana mereka bukan sahaja perlu dibekalkan dengan pencapaian akademik yang baik semata-mata, sebaliknya mesti dikentalkan dengan budaya dan nilai integriti yang tinggi.

Pada tahun 2009 dalam Mesyuarat Jemaah Menteri dengan kata sepakat bersetuju untuk memperkenalkan program yang dikenali sebagai Program Menteri Mentor: 1 Universiti Awam (UA) 1 Menteri bagi memenuhi hasrat itu. Walaupun ada andaian mengatakan bahawa mahasiswa Universiti Awam (UA) telah dewasa dan matang, mereka sebenarnya adalah golongan muda yang masih memerlukan bimbingan dan panduan daripada orang dewasa yang mengambil berat tentang diri mereka (Zuraidah, 2004). Program ini menetapkan agar setiap Universiti Awam (UA) diperuntukkan sekurang-kurangnya satu menteri yang akan bertindak sebagai mentor atau bapa angkat kepada UA berkenaan. Pemadanan Y.B Menteri kepada universiti adalah dibuat berdasarkan kepada pilihan yang dibuat sendiri atau ditentukan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) mengikut pertimbangan tertentu termasuk latar belakang atau bidang utama kementerian masing-masing. Sebagai contohnya bagi Universiti Putra Malaysia (UPM) dipadankan dengan Y.B Menteri Pertanian Industri Asas Tani kerana UPM merupakan sebuah universiti yang memfokuskan dalam bidang pertanian.

Pada tanggal 12 Ogos 2009, Y.B Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, Menteri Pengajian Tinggi melalui kementeriannya telah melancarkan "Program Menteri Mentor: 1 IPTA 1 Menteri" dengan melantik menteri-menteri kabinet sebagai mentor bagi semua 20 Universiti Awam (UA) di seluruh Malaysia. Tujuan utama program ini adalah bagi merapatkan lagi hubungan baik sebuah universiti dengan menteri kabinet. Program Menteri Mentor ini merupakan antara usaha kerajaan untuk membolehkan anggota kabinet berinteraksi dengan para mahasiswa UA secara langsung bagi memberikan penjelasan mengenai dasar-dasar semasa kerajaan.

Program ini telah dikenal pasti sebagai antara mekanisme yang positif dan efektif untuk memaksimakan potensi individu seperti yang ditekankan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Oleh yang demikian, program mentor yang merupakan satu modus operandi di KPT dalam usaha melahirkan mahasiswa yang cemerlang dari segi akademik dan sahsiah diri (Zuraidah, 2004). Pembangunan sahsiah mahasiswa merupakan faktor terpenting ke arah objektif ini di mana aspek daya kepimpinan dan akhlak mulia diberi keutamaan (Mohd. Zulkifli, 2001). Selain itu juga, sistem ini akan mengeratkan hubungan antara universiti dengan menteri malah dapat mengeratkan lagi hubungan antara mahasiswa dengan menteri melalui aktiviti yang telah dianjurkan oleh universiti.

Menurut Foster (2001) telah menggariskan bahawa, program mentor (*mentoring*) merupakan satu bentuk hubungan seimbang yang dipersetujui bersama melibatkan seseorang yang lebih berpengalaman yang bersedia membantu seseorang yang kurang berpengalaman. Perkataan mentor sebenarnya berasal dari Greek yang bermaksud rakan, kaunselor atau guru yang boleh dipercayai. Mentor (menteri) biasanya terdiri dari orang yang mempunyai pengalaman dalam memberi pertolongan kepada mereka yang memerlukannya. Mentee (warga universiti) pula dirujuk kepada individu yang menerima pertolongan. *Mentoring* merupakan suatu proses di mana seseorang yang mempunyai kepimpinan tinggi serta mempunyai kemahiran atau kompetensi tertentu, membimbing secara terancang dan sistematik dengan tujuan untuk membangunkan keupayaan kepimpinan dan kompetensi tertentu melalui program yang disusun rapi (Azhar, 2002).

Pihak kementerian telah memaklumkan kepada kedua-dua pihak (menteri mentor dan UA) dengan jelas aturan ini dan seterusnya perlu sentiasa memberi keutamaan untuk meningkatkan perhubungan dan kerjasama dari semasa ke semasa. Secara khususnya, program ini bertujuan untuk membuka ruang dan peluang kepada para menteri untuk memberi tumpuan dan fokus kepada para mahasiswa dan warga Universiti Awam (UA) yang menjadi universiti angkat masing-masing. Menteri perlu mendampingi mahasiswa-mahasiswa serta warga UA dengan lebih mendalam dan seterusnya memahami isu yang mereka hadapi. Boleh dikatakan jarang sekali seseorang mahasiswa itu terlepas daripada menghadapi sebarang masalah semasa pengajiannya di universiti sama ada masalah peribadi atau masalah akademik (Norlaili, 2002). Selain itu, menyokong aktiviti-aktiviti pelajar dan warga kampus melalui tajaan atau kerjasama kementerian yang dipegang oleh menteri mentor. Dengan mengambil inisiatif untuk memberi penerangan secara langsung atau tidak langsung terhadap polisi-polisi atau dasar-dasar kerajaan serta rasional dalam sebarang tindakan dan pendirian kerajaan terhadap isu tertentu dari semasa ke semasa.

Sejak kebelakangan ini, isu berkaitan kemerosotan akhlak dalam kalangan pelajar Universiti Awam (UA) agak kerap diperkatakan sama ada dalam kalangan warga di dalam UA sendiri maupun oleh masyarakat luar. Ianya dibincangkan secara terbuka, melalui forum, bengkel dan sebagainya juga diperdebatkan di dalam media. Masyarakat masa kini juga begitu terbuka dalam memberi pandangan dan mengutarakan pendapat berkaitan isu ini. Pihak akhbar tempatan masa kini juga akan terus menyiarkan dan membahaskan isu ini yang akan menjadi tatapan dan perhatian segenap lapisan masyarakat yang seterusnya akan mengambil bahagian secara aktif

dalam memberi pendapat masing-masing. Tanpa bimbingan kemungkinan mereka akan menghadapi pelbagai masalah apabila berada di dunia universiti. Hal ini dikuatkan lagi dengan pandangan Towbes dan Cohen (1996 dalam Fadilah, Nor Akmar & Mastura, 2007) yang menyatakan bahawa mahasiswa universiti amat mudah terdedah kepada persekitaran sekeliling yang membuatkan mereka terbabas daripada matlamat memasuki universiti.

Pada pandangan masyarakat, golongan mahasiswa di UA adalah golongan terpelajar yang akan mewarisi kesinambungan pentadbiran dan bakal meneruskan wawasan negara. Mereka adalah aset kekayaan semula jadi yang bakal menerjui dan memasuki arus perdana pembangunan masyarakat, memegang peranan penting dalam politik, ekonomi dan sebagainya. Merekalah yang akan menentukan hala tuju negara ini dari semua segi untuk terus bersaing dengan negara-negara lain di dunia dalam arus globalisasi yang begitu pantas berkembang yang mana akan memberi kesan kepada pembangunan sosial dan kemahiran insaniah para mahasiswa di mana minda mereka menjadi lebih terbuka dan bebas.

Melalui perlaksanaan program ini, para menteri amat digalakkan untuk masuk ke kampus dan mengadakan pertemuan dan mendekati mahasiswa-mahasiswa dan komuniti UA secara berkala dalam aktiviti formal atau tidak formal. Pada masa yang sama pihak mahasiswa dan komuniti UA berkenaan perlu sentiasa melibatkan menteri mentor masing-masing dalam aktiviti yang dianjurkan sama ada secara mendapatkan khidmat nasihat, menjadi penaung program, perasmian program atau penglibatan secara langsung. Walaupun setiap Universiti Awam (UA) telah ditetapkan seorang menteri yang bertindak sebagai mentor atau bapa angkat masing-masing, mereka masih boleh mendapatkan kerjasama dan penglibatan menteri lain khasnya bagi aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan bidang kuasa sesuatu kementerian.

Dengan penuh pengharapan mahasiswa-mahasiswa dan komuniti UA akan dapat merasakan bahawa mereka sentiasa mendapat perhatian dan didampingi oleh menteri dan pihak pemimpin kerajaan. Dengan harapan mahasiswa dapat memahami polisi-polisi atau dasar-dasar kerajaan serta rasional atas tindakan dan pendirian kerajaan terhadap isu tertentu. Dengan kata lain, dapat mengelakkan salah faham dan tanggapan negatif akibat dari jurang komunikasi antara mereka dan pemerintah negara. Mahasiswa merasa sedar dan lebih bertanggungjawab dalam tindakan khasnya dengan memberi keutamaan terhadap soal keamanan, kesejahteraan, keharmonian demi kemajuan dan pembangunan bangsa dan negara. Program ini adalah usaha yang dilakukan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) untuk memenuhi hasrat jemaah menteri supaya para pemimpin mendekati mahasiswa dan komuniti Universiti Awam (UA) yang perlu dilakukan secara berterusan. Kejayaan program ini banyak bergantung kepada sokongan semua pihak. Bahagian-bahagian dan semua pihak di KPT diminta untuk memberi kerjasama dan sokongan di mana yang perlu untuk menjayakan program ini seterusnya.

Kesimpulan yang dapat dibuat berdasarkan dalam kajian lepas bertajuk “Keberkesanan Program Menteri Mentor: 1 IPTA 1 Menteri” yang telah dijalankan menunjukkan bahawa majoritinya mahasiswa tidak mengetahui mengenai perlaksanaan program

menteri mentor ini di peringkat universiti. Hal ini menunjukkan bahawa program tersebut tidak berkesan seperti mana dengan objektif dan matlamat yang sebenar telah ditetapkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) Malaysia. Namun begitu, dapatkan kajian yang diperolehi menunjukkan bahawa para mahasiswa masih menganggap program ini relevan diteruskan pada masa hadapan tetapi perlu melakukan penambahbaikan supaya peranan sebenar menteri mentor Universiti Awam (UA) di Malaysia dapat dilihat oleh semua pihak yang berkaitan.

## 1.2 Penyataan Masalah

Di Malaysia, buat masa ini terdapat hampir 300,000 mahasiswa prasiswa yang mengikut pengajian di Universiti Awam (UA) dalam negara kita. Namun, masalah kemerosotan dari pelbagai aspek dikalangan mahasiswa semakin kerap berlaku dari semasa ke semasa. Senaroi ini jika berterusan boleh mengancam pembangunan negara bagi merealisasikan sebuah negara maju pada tahun 2020. Lantaran itu, mesyuarat jemaah menteri pada 12 Ogos 2009 bersetuju memperkenalkan Program Menteri Mentor di universiti dalam usaha mendekati warga kampus untuk menangani masalah ini daripada menjadi lebih serius.

Dalam konteks Universiti Awam (UA), terdapat pelbagai jenis program mentor yang digunakan untuk mencapai pelbagai tujuan (Cienkus *et al.*, 1996; Dennison, 2000; Dondero, 1997; Rhodes, 1993). Dengan, perlaksanaan program ini terdapat objektif dan matlamat yang telah digariskan oleh pihak kementerian yang perlu dicapaikan oleh menteri mentor dan seterusnya dapat membangun komuniti mahasiswa yang berketerampilan, berdaya saing dan cemerlang dalam pelbagai aspek bagi memenuhi pasaran kerjaya yang semakin sengit pada masa kini.

Walau bagaimanapun, sehingga kini masih belum dapat dipastikan lagi sejauh manakah keberkesanannya kepimpinan menteri mentor dalam membangun komuniti mahasiswa disamping merealisasikan objektif dan matlamat yang telah ditetapkan. Menurut laporan tahunan 2011 daripada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) menunjukkan bahawa kurangnya penglibatan menteri mentor turun kampus bertemu komuniti mahasiswa terutamanya. Dengan laporan ini, menunjukkan tahap keberkesanannya, kejayaan dan kewajaran perlaksanaan program ini terhadap mahasiswa UA di seluruh Malaysia masih belum mencapai objektif dan matlamat yang ditetapkan oleh pihak kementerian. Ini disokong oleh satu kajian yang dijalankan pada tahun 2015 mengenai keberkesanannya Program Menteri Mentor dengan dapatkan kajian menunjukkan sebanyak 82 peratus mahasiswa tidak mengetahui tentang perlaksanaan program ini di peringkat universiti.

Namun begitu, mahasiswa masih menganggap Program Menteri Mentor masih relevan diteruskan pada masa hadapan tetapi perlu melakukan penambahbaikan supaya mahasiswa dapat melihat peranan kepimpinan menteri dengan jelas dan terang sebagai mentor dalam universiti. Clutterbuck dan Megginson (1999) berpendapat bahawa mentor sepatutnya boleh menyesuaikan diri dengan pelbagai peranan di dalam proses mentor. Kepelbagaiannya peranan yang dimainkan oleh kepimpinan menteri mentor dapat membantu menyerlah keberkesanannya perlaksanaan program. Walaupun terdapat banyak

program lain untuk mahasiswa, namun ianya masih memerlukan Program Menteri Mentor sekiranya mencapai objektif dan matlamat asal perlaksanaan boleh memberi kesan positif dalam membangunkan komuniti mahasiswa dari pelbagai aspek sebagai contohnya pencapaian akademik mahasiswa dan seterusnya melahirkan bakal graduan universiti yang bersahsiah serta berkualiti tinggi. Mahasiswa Universiti Awam (UA) sekarang lebih bersikap terbuka, berani bersuara dan membuat perbandingan dengan apa yang berlaku di negara-negara lain.

Seperti mana yang diketahui, Program Menteri Mentor ini merupakan antara usaha kerajaan untuk membolehkan anggota kabinet mendekati komuniti mahasiswa di Universiti Awam (UA) secara langsung bagi memberikan penjelasan mengenai dasar-dasar semasa kerajaan yang merupakan salah satu tujuan perlaksanaan program. Yang paling penting adalah mahasiswa tidak ketinggalan dengan maklumat tentang dasar-dasar kerajaan yang sedia dan akan dilaksanakan malahan dapat memberi maklum balas, dan pendapat tentang dasar yang akan dilaksanakan secara tidak langsung terlibat dalam proses membuat dasar-dasar kerajaan demi mencapai kemakmuran, keharmonian dan kemakmuran negara tercinta ini.

Walau bagaimanapun, pihak kementerian begitu yakin bahawa pelaburan yang telah dibuat dalam hal ini, akan memberi pulangan dan impak yang berlipat kali ganda kepada negara pada masa datang. Pihak kementerian juga percaya, dengan terbentuk modal insan yang memiliki tahap pengetahuan yang tinggi, inovatif dan kreatif serta fleksibel mengikut arus perubahan global yang serba pantas, serta mampu melonjakkan Malaysia ke persada antarabangsa dalam kelompok negara-negara maju, diibaratkan berdiri sama tinggi duduk sama rendah dengan memiliki mahasiswa pemikiran kelas pertama.

Melalui program ini, pucuk pimpinan negara menyarankan agar semua menteri yang terlibat turun padang atau turun kampus untuk melaksanakan peranan sebagai mentor atau keluarga angkat di universiti yang dipertanggungjawabkan dalam memastikan keberkesanan program ini tercapai. Balcazar and Keys (2013) menyatakan hubungan antara mentor dan mentee akan menjadi lebih kuat apabila turun padang atau meluangkan masa bersama-sama secara konsisten dalam suatu tempoh masa yang signifikan. Berdasarkan statistik kekerapan menteri mentor turun kampus dalam tempoh setahun bagi mendekati komuniti mahasiswa yang diperolehi daripada di lima universiti penyelidikan (RU) adalah seperti berikut:-

**Jadual 1: Statistik Kekerapan Menteri Mentor Turun Kampus**

Universiti	Menteri Mentor	Kekerapan
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)	Yb. Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof	3 kali
Universiti Malaya (UM)	Datuk Seri Panglima Salleh Said Keruak	5 kali
Universiti Putra Malaysia (UPM)	Yb. Dato' Sri Haji Ahmad Shabery Chek	4 kali

Universiti Sains Malaysia (USM)	Yb. Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi	3 kali
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	Yb. Dato' Seri Haji Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah	4 kali

Sumber: Lima Universiti Penyelidikan (RU)

Disebabkan pelbagai laporan yang di terima daripada setiap universiti menyatakan kurangnya penglibatan menteri mentor turun kampus mendekati komuniti mahasiswa sehingga pejabat perdana menteri telah mengambil keputusan menstruktur semula kedudukan menteri mentor di setiap UA dan telah pun dilaksanakan penstrukturuan mulai pada penghujung tahun 2016. Penstrukturuan semula terpaksa dilakukan atas sebab ketidak keberkesanan kepimpinan menteri mentor menjalankan peranan yang dipertanggungjawab kepada meraka.

Komuniti mahasiswa di Universiti Awam (UA) merupakan aset kekayaan semula jadi negara di dalam bentuk sumber manusia. Mereka akan menjadi sebahagian bakat baharu dalam kepimpinan negara pada masa depan tetapi memandangkan kesediaan mahasiswa untuk memimpin negara masih berada di tahap sederhana. Oleh yang demikian, komuniti mahasiswa memerlukan contoh atau *role model* yang boleh diikuti dalam membangunkan potensi kepimpinan (Garcia, 2009; Pryce & Keller, 2011). Menurut Schwartz *et al.* (2013), proses penyesuaian individu dalam kepimpinan organisasi atau institusi boleh dipercepatkan dengan sistem *mentoring* bagi menggalakkan inovasi, pembelajaran, perkembangan berterusan dan pengalaman baharu.

Program mentor mentee bukan setakat bertukar dan berkongsi maklumat, malahan mengadakan perjumpaan, perbincangan, menunjukkan langkah-langkah penyelesaian yang rasional dan menghuraikan kekuatan dan kelemahan setiap langkah yang akan diambil bagi menyelesaikan masalah-masalah khusus atau umum (Friday & Friday, 2002; Ragins, 1999; Wanguri, 1996). Dalam konteks, kepimpinan menteri mentor satu perancangan secara bersepada dan teliti perlu diatur melalui perlaksanaan program ini bagi menghasilkan satu mekanisma bagi tujuan menerapkan nilai-nilai murni dalam kalangan mahasiswa UA di Malaysia. Malahan perlaksanaan program ini diklasifikasikan sebagai program penting memandangkan peranannya amat besar dalam membangun komuniti mahasiswa. Program ini memerlukan satu pendekatan yang berstruktur, profesional, berpenilaian dan mempunyai penilaian secara berterusan.

Aspek pembelajaran dalam mentor menekankan soal pembangunan personal, mental dan sosial. Menteri mentor akan membimbing dalam mendidik budi pekerti dengan pendekatan secara individu di samping memberi bimbingan untuk membina kecerdasan akal dan kekuatan jasmani. Menurut Kleinman (2001) sistem *mentoring* yang berkesan juga membolehkan pengikutnya menguasai pengetahuan, kemahiran dan kebolehan yang dipelajari mempunyai peluang yang besar untuk meningkatkan kerjaya dan mengembangkan psiko-sosial yang positif seperti membentuk jati diri, keupayaan menyampaikan, cekap melaksanakan kerja-kerja, boleh bekerja dalam satu pasukan dan menjadi contoh teladan yang baik kepada orang lain.

Oleh yang demikian, peranan mentor adalah mencabar kerana mereka dikehendaki mendidik pengikutnya untuk memahami sesuatu tanggungjawab, membiasakan diri dengan sesuatu teknik, berkongsi pengalaman, memenuhi kehendak peribadi dan mengambil berat segala aspek kehidupan pengikutnya (Long, 2002). Dalam konteks menteri mentor harusnya mempunyai keupayaan dalam menggunakan pendekatan kepimpinan yang bersesuaian seperti kemahiran *mentoring* untuk menjadi mentor yang berkesan dalam sesuatu keadaan terutamanya dalam persekitaran kampus. Selain itu juga perlaksanaan program ini akan menjadi tidak berkesan disebabkan oleh beberapa faktor lain antaranya penampilan seorang menteri mentor sendiri ke atas pengikutnya dalam universiti.

Dengan penambahbaikan terhadap perlaksanaan program ini diharapkan supaya semua pihak yang terlibat dapat melihat keberkesaan kepimpinan menteri mentor dengan merasa sedar dan lebih bertanggungjawab terhadap perlaksanaan program ini di universiti. Sememangnya kita menyedari bahawa peruntukan khas untuk tujuan perlaksanaan Program Menteri Mentor ini di universiti akan melibatkan sejumlah dana yang sangat tinggi. Menyedari hakikat ini, satu kajian telah dijalankan untuk melihat sama ada keberkesaan kepimpinan menteri mentor seperti yang sepatutnya dalam usaha mencapai sesuatu objektif dan matlamat perlaksanaan program di samping dalam membangun komuniti mahasiswa Universiti Awam (UA) di Malaysia.

### **1.3 Persoalan Kajian**

Perbincangan sebelum ini menimbulkan banyak persoalan yang perlu diberi perhatian oleh penyelidik, lebih-lebih lagi isu yang ditimbulkan merupakan perkara baru yang tidak pernah dikaji dalam perspektif membangun komuniti mahasiswa. Namun, melalui kajian ini akan menjawab beberapa persoalan yang timbul tentang keberkesaan kepimpinan menteri mentor di universiti. Antara persoalan yang timbul adalah:

1. Bagaimanakah peranan yang dimainkan oleh kepimpinan menteri mentor dalam membangun komuniti mahasiswa Universiti Awam (UA) di Malaysia?
2. Apakah faktor-faktor penyumbang kepada keberkesaan kepimpinan menteri mentor dalam membangun komuniti mahasiswa di Universiti Awam (UA)?
3. Apakah faktor utama yang menghalang kepimpinan menteri mentor bagi mencapai objektif dan matlamat perlaksanaan Program Menteri Mentor di Universiti Awam (UA)?

### **1.4 Objektif Kajian**

#### **1.4.1 Objektif Umum**

Secara umumnya, kajian ini adalah untuk mengenal pasti faktor-faktor yang dapat menyumbang kepada keberkesaan kepimpinan menteri mentor dalam membangun komuniti mahasiswa Universiti Awam (UA) di Malaysia” yang telah dilaksanakan pada 12 Ogos 2009 dalam 20 buah UA di Malaysia.

### **1.4.2 Objektif Khusus**

1. Untuk mengetahui peranan yang dimainkan oleh kepimpinan menteri mentor dalam membangun komuniti mahasiswa Universiti Awam (UA) di Malaysia.
2. Mengenal pasti faktor-faktor penyumbang kepada keberkesanannya kepimpinan menteri mentor dalam membangun komuniti mahasiswa di Universiti Awam (UA).
3. Untuk melihat faktor utama yang menghalang kepimpinan menteri mentor bagi mencapai objektif dan matlamat perlaksanaan Program Menteri Mentor di Universiti Awam (UA).

### **1.5 Kepentingan Kajian**

Setiap kajian yang dijalankan mempunyai banyak faedah yang boleh didapati atau diperolehi bagi semua pihak yang dikatakan penglibatan diri mereka secara langsung ataupun tidak langsung. Dalam kajian ini, penyelidikan dihasratkan dapat membentuk satu model baru keberkesanannya menteri mentor yang tersusun, realistik dan mampu memberikan pengetahuan serta pendedahan secara efektif yang boleh menyumbang terhadap keberkesanannya kepimpinan menteri mentor dalam membangun komuniti mahasiswa Universiti Awam (UA) di Malaysia. Oleh itu, hasil kajian ini dapat memberi kepentingan kepada beberapa golongan antaranya:

#### **1.5.1 Kerajaan**

Melalui hasil kajian ini maklumat yang diperolehi, diharapkan dapat membantu kerajaan dalam meningkatkan tahap keberkesanannya kepimpinan menteri mentor yang telah dilantik untuk menyampaikan atau menerangkan tentang dasar-dasar kerajaan. Hal ini dapat memberi gambaran umum bahawa pemahaman konsep menteri mentor supaya dapat mempengaruhi keberkesanannya perlaksanaan program. Apabila menteri mentor didekah dengan intipati dan konsep-konsep yang berkaitan dengan topik-topik di dalam kajian ini diharapkan dapat menjadi input dalam membentuk corak kepimpinan yang lebih berkesan dan berkualiti bagi merealisasikan sesuatu objektif dan matlamat asal program ini diwujudkan Universiti Awam (UA) di Malaysia.

#### **1.5.2 Kementerian Pendidikan Tinggi**

Melalui kajian ini dapat membantu mereka dalam membuat perbandingan cara perlaksanaan program ini dengan program-program lain yang berkaitan dengan UA. Kajian ini juga dapat membantu pihak Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dalam mengenal pasti keberkesanannya kepimpinan menteri mentor di universiti untuk melahirkan modal insan berfikiran kelas pertama. Maka apabila proses mengenal pasti keberkesanannya kepimpinan menteri mentor tersebut dapat dijalankan, pihak KPT dapat memberi fokus yang lebih mendalam demi untuk kebaikan bersama. Kajian ini juga dapat memberi gambaran kepada pihak kementerian agar perlunya pemantauan dari semasa ke semasa ke atas kepimpinan menteri mentor tersebut dalam meningkatkan tahap keberkesanannya mereka seiring dengan objektif dan matlamat asal perlaksanaan program.

### **1.5.3 Universiti**

Selain pihak kerajaan dan Kementerian Pendidikan Tinggi, hasil daripada kajian ini juga diharapkan dapat diaplikasikan oleh pihak universiti bagi membantu supaya kepimpinan menteri mentor lebih berkesan berdasarkan objektif dan matlamat asal perlaksanaan program ini. Pemantauan daripada pihak universiti terhadap program ini akan dapat melahirkan modal insan yang berkemahiran insaniah dan seterusnya melahirkan insan seimbang dan harmoni dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani.

Hasil kajian ini juga akan menjadi satu daptan yang penting dan berfaedah kepada pihak universiti kerana hasilnya akan memberi maklumat yang signifikan bagi mengelakkan daripada tidak mencapai matlamat dan objektif asal program ini diwujudkan. Kejayaan penyelidikan ini akan membantu pihak universiti bagi meningkatkan mutu kecemerlangan dan berfaedah terhadap mahasiswa UA. Hal ini demikian kerana, dalam hasil kajian ini akan memberitahu kepada mahasiswa tentang sumbangan dan penglibatan menteri mentor terhadap universiti.

### **1.5.4 Pensyarah**

Melalui kajian ini, penyelidik berharap agar daptan kajian dapat membantu para pensyarah dalam mengenal pasti jenis aktiviti atau program yang dapat meningkatkan keberkesanan kepimpinan menteri mentor melalui perlaksanaan Program Menteri Mentor dalam UA di Malaysia. Pensyarah perlu memikirkan aktiviti atau program yang sesuai supaya mahasiswa dapat gambaran umum terhadap pemahaman perlaksanaan program ini di universiti. Apabila mahasiswa didehadkan dengan intipati dan konsep-konsep yang berkaitan dengan Program Menteri Mentor, maka mahasiswa tersebut akan menghayati dan seterusnya membantu dalam mencapai keberkesanan perlaksanaan program ini di universiti.

### **1.5.5 Penyelidik**

Penyelidik turut berharap agar kajian ini dapat memberi sumbangan idea dalam bidang pembangunan mahasiswa bagi meningkatkan kemahiran insaniah dan nilai moral dalam diri mahasiswa. Kajian ini boleh dijadikan sebagai pembuka jalan untuk kajian-kajian seterusnya dalam bidang tersebut. Para penyelidik dalam bidang kemasyarakatan dan pembangunan mahasiswa boleh menjadikan kajian ini sebagai rujukan untuk melakukan penyelidikan yang lebih menyeluruh. Dalam kajian ini, penyelidik hanya memfokuskan pada sejumlah kecil mahasiswa yang melibatkan sesetengah universiti sahaja.

Oleh itu, hasil keputusan kajian adalah tidak merujuk kepada keseluruhan mahasiswa di Malaysia. Maka, dengan itu, satu kajian yang lebih menyeluruh dan terperinci patut dijalankan pada masa akan datang untuk melihat keputusan yang boleh merujuk kepada keseluruhan mahasiswa di Malaysia. Selain daripada itu, dengan adanya kajian ini diharapkan dapat menjadi panduan dan rujukan kepada orang perseorangan maupun pihak-pihak tertentu yang berminat untuk membuat kajian dengan lebih mendalam lagi mengenai perlaksanaan program seperti ini di dalam universiti.

## **1.6 Definisi Operasional**

Untuk melihat hala tuju perbincangan, setiap frasa penting akan diberi definisi konsep. Berdasarkan tajuk kajian, terdapat beberapa istilah yang digunakan untuk memberi gambaran yang jelas, tepat dan khusus dalam konteks kajian ini.

### **1.6.1 Mentor**

Mentor berasal daripada perkataan Greek yang biasanya terdiri daripada orang yang mempunyai pengalaman dalam memberi pertolongan kepada mereka yang memerlukannya. Menurut Kamus Oxford English (1998) mentor boleh didefinisikan sebagai seorang kaunselor yang berpengalaman dan boleh dipercayai. David Clutterbuck (1991 dalam Che Norlia, 2008) mendefinisikan mentor sebagai seseorang individu yang lebih berpengalaman dan sudi berkongsi pengetahuan dengan seseorang yang kurang pengalaman dalam satu hubungan saling mempercayai.

Mentor merupakan seseorang yang melalui tindakan dan usaha mereka menolong orang lain mencapai potensi diri (Shea, 1992). Mentor juga menawarkan pengetahuan, wawasan, perspektif atau kebijaksanaan yang berguna untuk orang lain (Shea, 1992). Secara rumusannya, mentor merupakan seseorang profesional yang berpengalaman yang membentuk hubungan kerjasama yang aktif dengan seseorang atau kumpulan. Ia membentuk satu perkongsian terancang dalam tempoh masa tertentu bertujuan untuk membantu seseorang atau kumpulan mencapai matlamat tertentu.

Manakala menurut Azhar (2002) seseorang yang dipilih sebagai mentor akan menjadi *role model* kepada organisasi melalui perwatakan, tingkah laku dan kepimpinan serta kemahiran tertentu yang dimiliki. Ciri-ciri seperti ini terserah dan dikagumi serta diakui oleh keseluruhan organisasi. Ini akan meninggalkan kesan yang mendalam dan imej mentor yang sedemikian akan menjadi teladan dan *role model* kepada individu lain atau pengikutnya. Peranan mentor sangat mencabar kerana mereka bertanggungjawab mendidik individu atau kumpulan untuk memahami sesuatu tanggungjawab, membiasakan diri dengan sesuatu teknik, berkongsi pengalaman, memenuhi kehendak peribadi dan mengambil berat segala aspek kehidupan individu atau kumpulan (Long, 2002).

### **1.6.2 Mahasiswa**

Mahasiswa adalah seseorang (insan) yang sedang dalam proses menimba ilmu ataupun belajar dan berdaftar dengan mana-mana institusi pendidikan yang terdiri dari akademik, politeknik, institut kemahiran dan universiti tempatan yang di iktiraf oleh kerajaan yang menyatakan sedang menjalani pengajian (Hartaji, 2012). Mahasiswa dinilai memiliki tingkat intelektual yang tinggi, kecerdasan dalam berfikir dan kecekapan dalam bertindak. Berfikiran kritis dan bertindak dengan cepat dan tepat merupakan sifat yang cenderung amat sesuai pada diri setiap mahasiswa mempunyai prinsip yang saling melengkapi.

Seorang mahasiswa dikategorikan pada tahap perkembangan yang usianya 19 sampai 30 tahun dan dilihat dari segi perkembangan tingkah laku, perkembangan pada usia mahasiswa sendiri ialah pemantapan pendirian hidup (Yusuf, 2012). Menyandang gelar mahasiswa merupakan suatu kebanggaan bagi seseorang individu. Seorang mahasiswa mempunyai ekspektasi dan tanggungjawab yang besar harus dilaksanakan sepanjang berada di institusi pengajian dalam tempoh tertentu. Malahan mahasiswa dianggap sebagai seorang agen kepada pembawa perubahan dalam sesebuah negara pada masa hadapan.

Namun mahasiswa mempunyai peranan atau fungsi yang sangat penting sepanjang berada dalam mana-mana institusi pengajian. Peranan moral dimana dalam dunia kampus merupakan dunia di mana setiap mahasiswa dengan bebas memilih kehidupan yang mereka mahukan. Tetapi disinilah dituntut suatu tanggungjawab moral terhadap diri masing-masing sebagai individu untuk dapat menjalankan kehidupan yang bertanggungjawab dan sesuai dengan moral yang hidup dalam masyarakat.

Selain itu, sebagai mahasiswa perlu juga memerlukan peranan sosial, iaitu bahawa pemikiran dan segala perbuatannya tidak hanya bermanfaat untuk dirinya sendiri tetapi juga harus membawa manfaat bagi lingkungan sekitarnya. Sebagai mahasiswa, harus mempunyai peranan intelektual. Masyarakat diluar selalu mengelarkan mahasiswa sebagai insan intelek haruslah dapat mewujudkan status tersebut dalam kehidupan nyata. Dalam kata lain menyatakan bahawa fungsi dasar mahasiswa adalah bergelut dengan ilmu pengetahuan dan memberikan perubahan yang lebih baik dengan intelektual yang ia miliki selama menjalani pendidikan.

### 1.6.3 Universiti Awam (UA)


Universiti ialah sebuah institusi pendidikan tinggi dan pengkajian yang menganugerahkan sijil tertinggi akademik di pelbagai peringkat dan bidang. Perkataan universiti dipinjam daripada bahasa Inggeris (*University*) yang turut dipetik daripada frasa bahasa Latin, *universitas magistrorum et scholarium* yang bermaksud "masyarakat pakar dan pengkaji". Universiti Awam (UA) ialah universiti yang banyak dibiayai secara awam melalui kerajaan sesebuah negara atau setempat. Di sesetengah tempat, institut awam merupakan pusat penyelidikan terkemuka dan berpengaruh banyak di antaranya diletakkan setanding dengan universiti terbaik di dunia oleh *World University Rankings* dan *Academic Ranking of World Universities*.

Sistem pengajian tinggi dibentuk untuk memastikan bahawa Universiti Awam (UA) berupaya dalam usaha membina reputasi dengan keupayaan yang dinamik, berdaya saing selain mampu meramalkan cabaran masa hadapan dan bersedia untuk bertindak secara berkesan seiring dengan perkembangan global. Usaha meningkatkan keupayaan UA akan terus dilakukan untuk melaksanakan fungsi dan tanggungjawabnya dengan lebih cekap, telus dan berkesan ke arah mewujudkan sistem pengajian tinggi yang cemerlang.

Selaras dengan matlamat tersebut, Universiti Awam (UA) di Malaysia dikategorikan kepada tiga kumpulan, iaitu universiti penyelidikan (RU), universiti berfokus (teknikal, pendidikan, pengurusan dan pertahanan) dan universiti komprehensif. Sehingga kini, terdapat 20 buah UA di negara ini yang terdiri daripada lima universiti penyelidikan (RU), empat universiti komprehensif dan sebelas universiti berfokus. Universiti penyelidikan memberikan tumpuan kepada bidang penyelidikan, sementara universiti berfokus memberikan tumpuan kepada bidang khusus berkaitan dengan penubuhannya, manakala universiti komprehensif pula menawarkan pelbagai kursus dan bidang pengajian.

### 1.7 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual merupakan model konseptual tentang bagaimana teori berhubungan dengan berbagai faktor yang telah diidentifikasi. Suatu kerangka konseptual akan menghubungkan secara teori antara dua pemboleh ubah utama, iaitu pemboleh ubah bersandar dan tidak bersandar (Sumarni dan Wahyuni, 2006). Berdasarkan rajah di bawah menunjukkan kerangka konseptual yang menjadi panduan menjalankan kajian ini seperti berikut:



Rajah 1: Kerangka Konseptual Kajian

Maka dengan itu, satu kerangka konseptual dibentuk seperti di atas bagi merungkaikan faktor yang boleh menyumbang kepada keberkesanan kepimpinan menteri mentor di universiti supaya lebih terarah sesuai dengan rumusan masalah dan tujuan kajian yang ingin dicapai, serta dibentuk dengan berdasarkan beberapa aspek penting yang berkaitan dengan tajuk kajian.

## **1.8 Skop Dan Limitasi Kajian**

Kajian ini dilaksanakan ke atas mahasiswa yang telah terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan Program Menteri Mentor yang dilaksanakan secara amnya Universiti Awam (UA) di Malaysia. Secara khususnya kajian ini dilaksanakan ke atas universiti penyelidikan (RU) di Malaysia sahaja. Mahasiswa universiti tersebut secara majoritinya adalah dari golongan belia. Belia dalam kajian ini adalah individu yang berumur 15 hingga 40 tahun sebagaimana yang ditakrifkan oleh Akta Persatuan dan Pembangunan Belia 2007.

Namun secara lebih khusus, kajian ini hanya memilih mahasiswa yang berumur 19 hingga 30 tahun sahaja dan juga mahasiswa yang mengikuti pengajian di peringkat sarjana muda di universiti yang terlibat. Kajian telah dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan kaedah campuran. Data pula telah dikumpulkan dengan menggunakan reka bentuk kajian kes dan menggunakan kaedah borang soal selidik dan temu bual mendalam. Kesahihan dapatan kajian ini juga ditentukan berdasarkan kejujuran dan keikhlasan pihak responden dalam menjawab soalan-soalan yang dikemukakan.

Kajian dilaksanakan dalam kerangka disiplin pembangunan komuniti yang memfokuskan komuniti mahasiswa iaitu berdasarkan pendekatan bawah atas diterapkan yang mana melibatkan penerokaan faktor penyumbang keberkesanan kepimpinan menteri mentor dalam universiti penyelidikan (RU) di Malaysia. Ia adalah berkaitan dengan faktor yang berkemungkinan menjadi penyumbang seperti faktor kemudahan fizikal, faktor sokongan sosial dan faktor individu yang dihuraikan lebih lanjut menerusi dapatan kajian.

Pada masa yang sama, kajian ini meneroka faktor penyumbang dalam keberkesanan kepimpinan menteri mentor menerusi perlaksanaan program di universiti. Ini diperincikan bahawa dalam kajian ini dikaitkan terdapat indikator yang menjadi penghalang kepada keberkesanan. Malahan pembangunan komuniti mahasiswa juga dilihat menerusi perlaksanaan Program Menteri Mentor yang mana terdapat impak berdasarkan keberkesanan kepimpinan menteri mentor dengan meneroka menerusi kepimpinan dan sahsiah yang dicerminkan oleh kalangan mahasiswa universiti.

## **1.9 Kesimpulan**

Bab ini bermula dengan penerangan secara am tentang latar belakang senario perlaksanaan Program Menteri Mentor dan kesannya terhadap negara, universiti dan mahasiswa sepanjang tempoh perlaksanaan di universiti. Perbincangan seterusnya memberikan penekanan terhadap pernyataan masalah yang merupakan penggerak serta dorongan penyelidik untuk melakukan kajian ke atasnya berpandukan kepada penetapan objektif kajian. Seterusnya penerangan tentang kepentingan kajian dan sumbangannya kepada dunia akademik, pihak pengurusan dan pembuat dasar daripada perlaksanaan program ini.

Oleh itu, perhatian perlu diberikan dengan menilai dari akar umbi perubahan dan inisiatif yang perlu dilakukan supaya dapat melihat keberkesanan kepimpinan menteri mentor dalam pembangunan komuniti mahasiswa Universiti Awam (UA) di Malaysia dengan melalui perlaksanaan Program Menteri Mentor yang kian tercalar dalam menyumbangkan modal insan yang bermutu dalam pembentukan pembangunan negara.



## RUJUKAN

- Abbas Tashakkori and Charles Teddile, (1998). *Mixed Methodology: Combining Qualitative and Quantitative Approaches*. International Educational and Professional Publisher
- AM Junoh, KM Noor (2012). Kerangka Integriti Kepimpinan Islam: Pengajaran Daripada Model Kepimpinan Rasulullah SAW. *International Conference On Islamic Ledership-ddms.usim.edu.my*
- A. Ahmad (2002). *Mentoring Dalam Pembangunan Kerjaya*. *Journal Pengurusan Awam, Volume 1, No 2, 2002*.
- A Ismail, K Hasbullah (2006). Pemindahan Pengetahuan, Kemahiran Dan Kebolehan Mempengaruhi Kesan Amalan Komunikasi Antara Mentor Dan Mentee: Satu Kajian Di Sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam Di Malaysia Timur. *Journal of Management Development*, Universiti Teknologi Malaysia
- Ahmad Badruddin Abdullah, Fatimah Omar, Fatimah Wati Abdul Halim (2014). Ulasan Kepimpinan Beretika. *Jurnal Psikologi & Kaunseling Perkhidmatan Awam Malaysia, Jun 2014*
- American College of Nurse-Midwives. (1997). Core competencies for basic midwifery practice ACNM. Washington (DC).
- Auerbach, F. & Silverstein, L.B. (2004). *Qualitative Data:An Introduction to Coding and Analysis*. New York University Press, New York.
- Azman I. & Adnan M. J. (2005). *Pemindahan Pengetahuan, Kemahiran Dan Kebolehan Mempengaruhi Kesan Amalan Komunikasi Antara Mentor Dan Mentee: Satu Kajian Di Sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam Di Malaysia Timur*, 1-30. Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
- Azman Ismail, Kamsiah Hasbullah dan Rizal Abu Bakar, Mohamad Hashim Othman (2007). Kesan Pemindahan Pengetahuan, Kemahiran Dan Kebolehan Ke Atas Amalan Komunikasi Dalam Sistem Mentoring Di Institusi Pengajian Tinggi Awam. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan, Jil. 22, 133–160, 2007*.
- Azizan Bahari (2008) Menjadi Pemimpin. Vimlin Press Sdn. Bhd. Selangor.
- Babbie, E.R. (2011). *Introduction to Social Research, Edition 5*, Wadsworth.
- Balcazar, F. E., & Keys, C. B. (2013). Goals in mentoring relationship. In D. L. DuBois, & M. J. Karcher (Eds.), *The handbook of youth mentoring* (2nd ed.). (pp. 83-98). Thousand Oaks: Sage Publications Inc.
- Campbell, T.A. & Campbell, D.E. (1997). *Faculty/Student Mentor Program: Effects on Academic Performance and Retention*. Research in Higher Education, Vol. 38, No. 6, 727-742.

- C. Silverthorne, (2001). *Leadership Effectiveness And Personality: A Cross Cultural Evaluation*. Personality and Individual Differences, Volume 30, Issue 2, 303-309.
- C. Carpenter & M. Suto (2008). *Qualitative Research for Occupational and Physical Therapists: A Practical Guide*. Blackwell Publishing
- Chua Y. P. (2006). Kaedah dan statistik penyelidikan. Buku 1, Edisi Kedua. Kaedah Penyelidikan. Kuala Lumpur. McGraw Hill
- Chua Y. P. (2014). Kaedah dan statistik penyelidikan. Buku 1, Edisi Ketiga. Kaedah Penyelidikan. Kuala Lumpur. McGraw Hill
- Clutterbuck, D., and Megginson, D. (1999). *Mentoring executives and directors*. Oxford: Butterworth-Heinemann.
- C. Norlia H. & Abd. Majeed (2008). *Keberkesanan Program Mentor-Mentee/Program Kecemerlangan Diri*. Unpublished Doctoral Dissertation, UITM, Shah Alam.
- Coetzee, C. & Schaap, P. (2005). *The Relationship Between Leadership Behaviour, Outcomes of Leadership and Emotional Intelligence*. Journal of Industrial Psychology, 31(3), 31–38.
- Cohen, L & Manion, L. (1996). *Research Methods in Education*. London: Routledge Falmer
- COMMUNITY DEVELOPMENT ACADEMY (CDA). 1997. *Building Community from Grassroots*. Columbia: University of Missouri.
- Creswell, J.W. (2009). *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches*. 3<sup>rd</sup> Edition, Sage Publications, Inc., Los Angeles
- Dennison, S. (2000). *A Win-Win Peer Mentoring Guidebook: A Practical Manual For Designing And Managing A Mentoring Program*. Clemson, SC: National Dropout Prevention Center.
- Dani Salleh (2004). Pembangunan Komuniti: DASAR, KONSEP, STRATEGI DAN ISU DI MALAYSIA. Penerbit Universiti Utara Malaysia. Sintok, Kedah.
- Emilya bt. Yahya (2004). Keberkesanan Program Pembangunan Komuniti: Perspektif Penyertaan Anggota Komuniti. Projek Tahun Akhir. *Laporan Tidak Diterbitkan*. Universiti Putra Malaysia .
- Fatimah Mohamad Akib (2003). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Keberkesanan Sistem Mentoring di IPTA. Projek Tahun Akhir. *Laporan Tidak Diterbitkan*. Universiti Malaysia Sarawak.
- Fiedler, F. E. (1996). *A theory of leadership effectiveness*. New York, NY: McGraw-Hill.

- Friday, E., and Friday, S.S. (2002). Formal Mentoring: Is there a strategic fit? *Management Decision*, 40 (2), 152-157.
- Garcia, C. P. (2009). *Leadership Lessons of The White House Fellows*. New York: McGraw Hill.
- Ii. Ibrahim, Y. Don (2014). Kepimpinan Servant dan Pengaruhnya Terhadap Pengurusan Perubahan di Sekolah. *Journal Pendidikan Malaysia* 39(1): 19-26
- Irving, E.S., Moore, W. D., Hamilton, R. J., (2003). *Mentoring for high ability school students*. Education and Training. 45(2), 100-109.
- Jasmi, K. A. (2012). Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif in *Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012. Faculty of Islamic Civilization*, Universiti Teknologi Malaysia.
- Jhon Hendri (2009) *Data Sekunder*. Riset Pemasaran, Universitas Gunadarma.
- John W. Creswell, V.L. Plano Clark (2007). *Designing and conducting mixed methods research*. Wiley Online Library.
- John W. Creswell (3<sup>rd</sup> Edition, 2008). Educational Research: Palnning, Conducting, and Evaluting Quantitative and Qualitative Research
- Judge,T. & Bono, J. E. (2000). *Relationship of Core Self-evaluation with Job Satisfaction and Job Performances: A Meta-analysis*. Journal of Applied Psychology, 86(1), 80–92
- Kartono, Kartini. (2006). *Pemimpin dan Kepemimpinan, Apakah Kepemimpinan Abnormal Itu?*. PT. Raja Grafindo Persada : Jakarta.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2014). *National Education Statistic : Higher Education Sector 2013*. Kemeneterian Pendidikan Malaysia, Cetakan Pertama
- Khairil Annas Jusuh (2009) Evolusi Kepimpinan 1: Tinjauan Teori-teori Terpilih. Kasturia Jingga Corporation Press Sdn. Bhd
- Khaled Nordin (2011). *Kementerian Pengajian Tinggi Meneraju Kegemilangan Ilmu*. Diterbit oleh Kemeneterian Pengajian Tinggi (KPT)
- K, Dew (2007). *A Health Researcher's Guide To Qualitative Methodologies*, Australian and New Zealand Journal Of Public Health.
- Komariah, A. & Tratna. C. (2008). Visionary Leadership, Menuju Efektif. Penerbit PT Bumi Aksara, Cetakan Ketiga, Jakarta
- Kothari, C.R. (2004). (Revised second edition) *Research Methodology: Methods & Techniques*, New Age International (P) Limited, Publishers, Daryaganj.

- Lim C.H. (2007). Penyelidikan Pendidikan: Pendekatan Kuantitatif Dan Kualitatif, Kuala Lumpur. McGraw Hill
- Lukas S. Musianto (2002) Perbedaan Pendekatan Kuantitatif dengan Pendekatan Kualitatif dalam Metode Penelitian. *Jurnal Manajemen & Kewirausahaan Vol. 4, No. 2*, Staf pengajar, Fakultas Ekonomi dan Fakultas Komunikasi, Universitas Kristen Petra.
- Mack, N, et.al (2005). *Qualitative Research Methods: A Data Collector's Field Guide: Family Health International*, Research Triangle Park, North Carolina, USA.
- Marvasti, A.B. (2004). *Qualitative Research in Sociology*. Sage Publications Ltd., London
- Marzita. (2006). "Semua Bersiap Sedia Hadapi RMK-9". Utusan Malaysia.
- Mohammad Shatar Sabran. (2003). *An Introduction To Community Development and Leadership*. Serdang: Universiti Putra Malaysia. Bangi, Selangor
- Mohammad Shatar Sabran (2003). Model Pembangunan Komuniti. *Pertanika Journal Social Science & Humanities, 11(2): 135-145*.
- Mohammad Shatar Sabran, Samir Muhazzab Amin (2010). *Kemahiran Insaniah Dan Masa Depan Negara*. Kuala Lumpur: ZH Publishing House.
- Mohamad Tajuddin, M. R. (2002). *Nilai-nilai Cemerlang Kepimpinan Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributor Sdn Bhd.
- Mohd Yusri Ibrahim, Wan Ismail wan Abdullah (2015). Model Kepimpinan Maya Dan Kesejahteraan Kerja Pemimpin Sekolah Malaysia: Perantaraan Oleh Komunikasi Dalam Kumpulan. *Journal Kepimpinan Pendidikan, volume 2, No 1, 2015*.
- Mohtar Abas (2005). Pembangunan Kepimpinan Dalam Organisasi. *Jurnal Pengurusan Awam Jilid 4 Bilangan 1, Julai 2005*.
- Mohamad Fathi Abd Rahman (2015). *Keberkesanan Program Menteri Mentor: 1 IPTA 1 Menteri*. Projek Tahun Akhir, *Laporan Tidak Diterbitkan*. Universiti Putra Malaysia, Selangor.
- Mayan A., Micha P. and Raanan L. (2005). *Leadership Styles And Organizational Learning In Community Clinics*. Journal of Learning organization, 1, 57-70. Retrieved July 15, 2005 from <http://www.emeraldinsight.com>.
- Nurul Hudani Md. Nawi, Ma'ruf Redzuan, Hanina Hamsan, Mohd Ibrani Adam Asim (2014). Hubungan antara Trait Personaliti dengan Tingkah Laku Kepimpinan. *Sains Humanika, Volume 1, No 1, 2014*.

- Nawawi, Hadari & Hadari, M. Martini. (2004). *Kepemimpinan yang Efektif*. Gadjah Mada University Press : Yogyakarta.
- Oliver C. and Aggleton, P, (2002). *Mentoring For Professional Development in Health Promotion: A Review of Issues Raised By Recent Research*, Institute Of Education, UK. Universiti of London. 102 (1), 30-38.
- O' Leary, Z., (2006). *The Essential Guide to Doing Research*. London. SAGE Publications Ltd.
- Othman Lebar (2010). *Penyelidikan kualitatif: Pengenalan Kepada Teori dan Metod*. Penerbitan UPSI.
- Ploch, Louis A. (1976). *Community development in action*. Journal of Community Development Society. 7(1): 5-15.
- Pryce, J. M., & Keller, T. E. (2011). Interpersonal Tone Within School-Based Youth Mentoring Relationships. *Youth & Society*, 45(1), 98–116. <http://doi.org/10.1177/0044118X11409068>
- Pranee Liamputpong (2014). *Kaedah Penyelidikan Kualitatif*. Edisi Ketiga. Penerbit Universiti Putra Malaysia. Serdang, Selangor.
- Ragins, B.R. (1999). Mentor functions and outcomes: a comparison of men and women in formal and informal mentoring relationship. *Journal of Applied Psychological*, 84 (4), 529-549.
- Rhodes, J.E. (1993). Easing Postpartum School Transitions Through Parent Mentoring Programs. *Prevention in Human Services*, 10 (2), 169-78.
- Rivai, Veithzal, (2006). *Kepemimpinan dan Perilaku Organisasi*, Edisi Kedua. PT. Raja Grafindo Persada : Jakarta.
- Robbins, Stephen. P. (2006). *Perilaku organisasi*. Edisi Bahasa Indonesia. PT Indeks Kelompok GRAMEDIA. Jakarta.
- R. Roslan R. Abd. Rahman (2003). Komunikasi Kepemimpinan Dalam Organisasi: Analisis Konsep Dan Amalan Dalam Tiga Organisasi Terpilih, Universiti Putra Malaysia.
- Ryska, T. A. (2002). *Leadership styles and occupational stress among college athletic directors: The moderating effect of program goals*. Journal of Psychology, 136, 195-213.
- Scandura, T.A., and Williams, E.A. (2004). *Mentoring and Transformational Leadership; The Role Mentoring of Supervisory Career Mentoring*, Journal of Vocational Behaviour, Vol. 65, Issue 3, pp: 448-468.

- Silverman, D. (2001) Interperting Qualitative Data: Methods for Analysing Talk, Text and Interaction: Sage. Masyarakat, GEOGRAFIA Online TM Malaysian.
- S Awang (2006). Pentadbiran Awam dan Proses-proses Pengurusan: Satu Kerangka Konseptual-REKAYASA-Journal of Ethics, Legal and Governance, 2006-repo.uum.edu.my.
- Schwartz, S. E. O., Chan, C. S., Rhodes, J. E., & Scales, P. C. (2013). Community Developmental Assets and Positive Youth Development: The Role of Natural Mentors. *Research in Human Development*, 10(2), 141–162. doi:10.1080/15427609.2013.786553
- Shaharir Mohamad Zain (2013). Perkembangan Teori Kepemimpinan Islam-Melayu di Pascabima sejak Kedatangan Islam hingga Kini. *International Journal of the Malay World and Civilisation Volume 1, No 1, 2013*.
- Sulaiman Masri, (2003). *Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan (Esei, Proposal dan Tesis)*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Tammy D. Allen, Joyce E.A. Russell & Sabine B. Maetzke (1997). Formal Peer Mentoring: *Factors Related to Proteges' Satisfaction and Willingness to Mentor Others*. Group & Organization Management, Vol 22 No 4, 488-507.
- Tampubolon, Biatna. D. (2007). *Analisis Faktor Gaya Kepemimpinan Dan Faktor Etos Kerja Terhadap Kinerja Pegawai Pada Organisasi Yang Telah Menerapkan SNI 19-9001-2001*. Jurnal Standardisasi. No 9. Hal: 106-115.
- Udik Budi Wibowo (2011). Teori Kepemimpinan. Badan Kepegawaian Daerah Kota Yogyakarta, Universitas Negeri Yogyakarta.
- Vanderstoep, S.W., & Johnston, D. (2009). *Research Methods For Life: Blending Qualitative and Quantitative Approaches*. San Francisco: Josey-Bass
- Wanguri, D.M. (1996). Diversity, perceptions of equity, and communicative openness in the workplace. *The Journal of Business Communication*, 33 (4), 443-57.
- Yahya Don, Yaakob Daud (2011). Kompetensi Emosi dan Kepemimpinan Transformasional di Sekolah Berkesan dan Sekolah Kurang Berkesan. *Malaysian Journal of Learning and Instruction: Vol. 8 (2011)*: 151-181
- Zuraidah Abdul Rahman, Zaiton Hassan, Masiniah Marzuki, Jamayah Saili, Sabasiah Hussin, Abdul Halim Busari dan Salmah Mohd Yusoff. (2004). *Pengenalan mentoring di Institusi Pengajian Tinggi*. Ibsbuku, Kuala Lumpur.



## UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

### PENGESAHAN STATUS UNTUK TESIS/LAPORAN PROJEK DAN HAKCIPTA

SESI AKADEMIK : \_\_\_\_\_

#### TAJUK TESIS/LAPORAN PROJEK :

KEBERKESANAN KEPIMPINAN MENTERI MENTOR DALAM MEMBANGUN KOMUNITI  
MAHASISWA UNIVERSITI AWAM DI MALAYSIA

#### NAMA PELAJAR : MOHAMAD FATHI BIN ABDUL RAHMAN

Saya mengaku bahawa hakcipta dan harta intelek tesis/laporan projek ini adalah milik Universiti Putra Malaysia dan bersetuju disimpan di Perpustakaan UPM dengan syarat-syarat berikut :

1. Tesis/laporan projek adalah hak milik Universiti Putra Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan akademik sahaja.
3. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia dibenarkan untuk membuat salinan tesis/laporan projek ini sebagai bahan pertukaran Institusi Pengajian Tinggi.

Tesis/laporan projek ini diklasifikasi sebagai :

\*sila tandakan (✓)

**SULIT**

(mengandungi maklumat di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

**TERHAD**

(mengandungi maklumat yang dihadkan edaran Kepada umum oleh organisasi/institusi di mana penyelidikan telah dijalankan)

**AKSES TERBUKA**

Saya bersetuju tesis/laporan projek ini dibenarkan Diakses oleh umum dalam bentuk bercetak atau atas talian.

Tesis ini akan dibuat permohonan :

**PATEN**

Embargo \_\_\_\_\_ hingga \_\_\_\_\_  
(tarikh) (tarikh)

**Pengesahan oleh:**

(Tandatangan Pelajar)  
No Kad Pengenalan / No Pasport.:

(Tandatangan Pengurus Jawatankuasa Penyeliaan)  
Nama:

Tarikh :

Tarikh :

[Nota : Sekiranya tesis/laporan projek ini SULIT atau TERHAD, sila sertakan surat dari organisasi/institusi tersebut yang dinyatakan tempoh masa dan sebab bahan adalah sulit atau terhad.]